



# BEBERAPA ASPEK EPISTEMOLOGI: KONSEP, TABIAT DAN SUMBER-SUMBER ILMU DALAM TRADISI ISLAM

Oleh:

Basri Bin Husin<sup>1</sup>

*basrihusin@yahoo.com*

## ABSTRACT

*This article focuses on some aspects of Islamic epistemology which includes the concepts, natures and sources of knowledge in Islam. In general epistemology is a discipline to discuss and investigate the origins, sources, methods, processes and limits of knowledge or the knowledge to bring to an understanding of the intrinsic truth. In Islamic tradition, a knowledge obtained should achieve the level of confidence for the final goal of a thing is to have elements of truth in absolute terms. In terms of the truth of knowledge, the rules of Islamic epistemology considers knowledge as something possible and rejects the opinion of the skeptic who considers knowledge as an impossibility. While in terms of knowledge, the concept of Islamic epistemology based on faith worldview is not only limited to the acquisition of resources to al-khabar al-sadiq and intuition only, but also give space to the mind and senses to gain knowledge on the scope of which could achieved by the faculty of mind and senses.*

**Keywords:** Epistemology, theory of knowledge, concept of knowledge, source of knowledge.

<sup>1</sup> Basri bin Husin, MUs, merupakan calon Doktor Falsafah dan felo Biasiswa Zahah Universiti Malaya di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.





## PENDAHULUAN

Perbincangan ilmu dalam konteks Islam berkembang dan lahir di atas kebenaran yang bersifat yakin. Ianya dihubungkan dengan teori dan asal usul ilmu yang disebut sebagai epistemologi atau teori ilmu pengetahuan. Melalui epistemologi inilah sesuatu ilmu itu berdiri, berkembang dan membentuk pandangan semesta (*tasawwur atau world view*) seseorang terhadap sesuatu perkara.

Epistemologi Islam yang berdiri di atas sumber *naqliyyah* (wahyu) ini tidak juga mengabaikan aspek-aspek *'aqliyyah* yang berasaskan penyuburan akal dan perkembangan pemikiran manusia. Perbincangan ilmu dalam Islam merupakan suatu acuan yang sepadu iaitu gabungan antara akidah, syariah dan akhlak yang akhirnya membentuk tunjangan ilmu yang bersifat saintifik dan kemanusiaan seperti ilmu sains, teknologi, ekonomi dan seumpamanya.

Melalui konsep epistemologi, secara asasnya penerangan tentang maksud istilah ‘epistemologi’ itu adalah sesuatu yang perlu dijelaskan kerana ia merupakan tunjang kepada kajian ini. Selain itu, epistemologi juga merupakan suatu pecahan daripada perbincangan falsafah selain daripada disiplin ontologi dan disiplin aksiologi. Hasil daripada pecahan ini, disiplin epistemologi telah berdiri dengan sendirinya dan menjadi pemangkin kepada ilmu yang lainnya.

## KONSEP EPISTEMOLOGI ISLAM

Perbincangan mengenai konsep epistemologi pada kebiasaannya dikaitkan dengan persoalan falsafah di mana ia menjadi aspek penting dalam pangkajian ilmu pengetahuan. Sehubungan dengan itu, konsep epistemologi menurut perspektif Islam memainkan peranan penting dalam masyarakat di mana ia merupakan pandangan hidup (*worldview*) yang merangkumi kehidupan di dunia dan akhirat.

### Definisi Epistemologi

Istilah epistemologi merupakan kata pinjam daripada bahasa Inggeris ‘*epistemology*’ yang berasal dari gabungan dua perkataan Greek iaitu ‘*episteme*’ yang bermaksud “pengetahuan” dan ‘*logos*’ yang bermaksud



## Beberapa Aspek Epistemologi: Konsep, Tabiat Dan Sumber-Sumber

### Ilmu Dalam Tradisi Islam

“ilmu, sains, kajian, teori dan perbincangan”.<sup>2</sup> Epistemologi merupakan salah satu dari cabang utama falsafah yang membicarakan tentang hakikat, makna, kandungan, sumber dan proses ilmu.<sup>3</sup> Oleh itu bolehlah dikatakan bahawa epistemologi itu bererti “kajian tentang ilmu pengetahuan”.<sup>4</sup>

Istilah epistemologi juga dikaitkan dengan konsep ilmu iaitu sesuatu pengetahuan yang membawa kepada pemahaman kebenaran. Oleh itu perbahasan epistemologi adalah suatu cabang falsafah yang menyiasat asal-usul, struktur, metode dan keabsahan ilmu.<sup>5</sup>

Dalam bahasa Arab, perkataan ‘epistemology’ diterjemahkan sebagai *nazariyyah al-ma’rifah*.<sup>6</sup> Imam ’Abd al-Fattah Imam di dalam bukunya yang bertajuk *Madkhāl ilā al-Falsafah* menerangkan bahawa istilah *nazariyyah al-ma’rifah* mempunyai dua pengertian iaitu;<sup>7</sup>

- i) pengertian luas yang mengandungi seluruh perbahasan falsafah yang penting serta mempunyai hubungan dengan ilmu pengetahuan seperti ilmu-ilmu psikologi, biologi, sosiologi, sejarah dan sebagainya.
- ii) pengertian yang sempit bermaksud ilmu yang membicarakan

<sup>2</sup> Reese, William L. (1980), *Dictionary of Philosophy and Religion: Eastern and Western Thought*, New Jersey: Humanities Press, h. 151. Lihat juga Lacey, A.R. (1996), *A Dictionary of Philosophy*, c. 3. New York: Routledge, h. 90; *The New Encyclopedia Britannica* (2002), Jil. 18, edisi ke-15. USA: Encyclopaedia Britannica, Inc, h. 166.

<sup>3</sup> *The New Encyclopedia Britannica* (2002), *op.cit.*. Lihat juga Syed Muhamad Dawilah al-Edrus (1993), *Epistemologi Islam: Teori Ilmu Dalam al-Qur'an*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. xii.

<sup>4</sup> Muhammad Zainiy Uthman (1998), “Latā'if al-Asrār Li Ahl Allāh al-Atyar Karangan Nūr al-Din al-Raniri: Satu Tinjauan Epistemologi Dalam Falsafah Epistemologinya” dalam Hashim Awang *et.al* (eds.), *Pengajian Sastera dan Sosiobudaya Melayu Memasuki Alaf Baru*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, h. 408.

<sup>5</sup> Runes, Dagobert D. (1982), *Dictionary Of Philosophy* (1982), Totowa, New Jersey: Little-Field, Adams & Co., h. 94 dan 161. Lihat juga Resse (1980), *op.cit.*, h. 151-152 dan h. 283. Tokoh Pertama yang menggunakan istilah *epistemologi* ialah J. F. Ferrier (1854). Beliau menyatakan bahawa *Knowledge* berasal dari perkataan Greek, *gignoskein* yang bermaksud menentukan atau memutuskan perintah/hukuman (*Decree*). Ia juga merupakan teori ilmu yang didokong oleh Rasionalisme dan Empiricisme.

<sup>6</sup> Ba`labaki, Munir (2000), *al-Mawrid: A Modern English –Arabic Dictionary*, c. 2. Beirut: Dar al-`Ilm Lil-Malayen, h. 317.

<sup>7</sup> Imam, Abd al-Fattah Imam (t.t), *Madkhāl ilā al-Falsafah*, Kaherah: Dar al-Falsafah, h. 146.



tentang hakikat ilmu pengetahuan, dasarnya, puncanya, sumbernya, syaratnya, bidangnya dan definisinya.

Sementara itu, Jamil Saliba dalam *al-Mu'jam al-Falsafi* mendefinisikan ‘*nazariyyah al-ma'rifah*’ sebagai perbincangan mengenai hakikat ilmu, sumber asalnya, ketinggian nilainya, cara mendapatkannya serta skopnya.<sup>8</sup> Selain daripada itu, Wan Mohd Nor Wan Daud mendefinisikan istilah ‘epistemologi’ sebagai “falsafah yang membicarakan hakikat, makna, kandungan, sumber dan proses ilmu”.<sup>9</sup>

Berdasarkan huraian di atas, bolehlah dibuat kesimpulan bahawa epistemologi adalah suatu disiplin ilmu yang membincang dan menyelidiki tentang asal-usul, sumber, kaedah, proses dan had sesuatu ilmu ataupun pengetahuan sehingga membawa kepada pemahaman terhadap kebenaran yang hakiki.

### **Epistemologi Sebagai Cabang Dari Falsafah**

Perkataan falsafah merupakan istilah bahasa Inggeris ‘*philosophy*’ yang berasal dari gabungan dua perkataan Yunani iaitu ‘*philo*’ dan ‘*sophia*’. ‘*Philo*’ bermaksud cinta manakala ‘*sophia*’ bermaksud hikmah atau kebijaksanaan.<sup>10</sup> Oleh itu dikatakan bahawa falsafah ialah “cintakan hikmah, cinta kepada pengetahuan dan cinta kepada kebijaksanaan”. Phytagoras merupakan orang yang pertama menggunakan istilah ini dan menggelarkannya sebagai *philosophos* atau pencipta kebijaksanaan.<sup>11</sup>

Dalam perbincangan kajian, disiplin epistemologi merupakan salah satu daripada cabang utama pengajian falsafah yang membincangkan

<sup>8</sup> Saliba, Jamil (1979), *al-Mu'jam al-Falsafi bi al-Alfaz al-'Arabiyyah wa al-Faransiyyah wa al-Injiliyyah wa al-Latiniyyah*, Beirut : Dar al-Kitab al-Lubnani, h. 241.

<sup>9</sup> Kata pengantar Wan Mohd Nor Wan Daud dalam Syed Muhamad Dawilah al-Edrus (1993), *op.cit.*, h. xii.

<sup>10</sup> Edwards, Paul (ed.) (1967), *The Encyclopedia of Philosophy*, Jil. 6. New York: The Macmillan & The Free Press & London: Collier-Macmillan Limited, h. 216, “Philosophy”; Reese (1980), *op.cit.*, h. 431. “Philosophy”; ‘Abd al-Hamid, ‘Irfan (1983), *al-Falsafah al-Islamiyyah Dirasah wa Naqd*, Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 23

<sup>11</sup> Abdul Rahman Hj Abdullah (2001), *Falsafah Dan Kaedah Pemikiran Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd h. 1.



## Beberapa Aspek Epistemologi: Konsep, Tabiat Dan Sumber-Sumber

### Ilmu Dalam Tradisi Islam

tentang teori ilmu.<sup>12</sup> Manakala dari segi sejarah pula, disiplin pengajian falsafah merupakan induk utama ilmu pengetahuan. Berasaskan kepada disiplin falsafah ini, lahirlah cabang-cabang ilmu seperti matematik, mantik, perubatan dan sebagainya.<sup>13</sup>

Perkembangan waktu dan kemajuan ilmu yang dicapai menyebabkan beberapa disiplin lain telah muncul dari induk falsafah yang terdiri dari tiga komponen utama iaitu ontologi (teori hakikat/wujud); epistemologi (teori ilmu) dan aksiologi (teori nilai). Daripada komponen ini, muncul aliran-aliran tertentu dalam setiap bidang yang membincangkan secara mendalam asas-asas utama falsafah tersebut sebagaimana yang akan dijelaskan kemudian.

Secara umumnya, ontologi ialah satu disiplin ilmu yang membicarakan tentang hakikat Tuhan (teologi/metafizik), hakikat alam semesta (kosmologi) dan hakikat manusia (psikologi). Perbahasan dalam disiplin ontologi melahirkan beberapa aliran yang bersifat kualitatif dan kuantitatif di mana setiap aliran mempertahankan pendapat masing-masing tentang sesuatu hakikat dan kewujudan. Bagi aliran kualitatif, ia terdiri daripada naturalisme, supernaturalisme, materialisme, dan spiritualisme. Manakala bagi aliran kuantitaif terdiri pula dari dualisme, pluralisme, pantheisme dan monisme.<sup>14</sup>

Dalam aspek epistemologi pula terdapat beberapa aliran yang membincangkan persoalan ilmu menurut pendapat dan idea masing-masing di mana setiap aliran dilihat saling bertentangan antara satu sama lain. Aliran itu terdiri daripada rasionalisme, empirisme, positivisme, realisme dan idealisme.<sup>15</sup>

Manakala dalam falsafah aksiologi iaitu disiplin ilmu yang membincangkan tentang teori nilai, terdapat beberapa aliran yang muncul seperti naturalisme, hedonisme, aliran utilitarianisme, idealisme, vitalisme dan teleologikal.<sup>16</sup> Berdasarkan kepada aspek ini, setiap aliran cuba membincangkan isu, ruang lingkup dan skop aliran masing-masing.

<sup>12</sup> *The New Encyclopedia Britannica* (2002), *op.cit.*, h. 468.

<sup>13</sup> Abdul Rahman Hj Abdullah (2001), *op.cit.*, h. 1.

<sup>14</sup> Reese (1980), *op. cit.*, h. 410, “ontology”.

<sup>15</sup> *Ibid.*, h. 151-152, “epistemology”.

<sup>16</sup> *Ibid.*, h. 45, “axiology”.



## Hubungan Epistemologi Dengan Falsafah Yang Lain

Falsafah merupakan satu bidang ilmu yang luas di mana terdapat beberapa cabang ilmu lain yang berdiri di bawah induk falsafah seperti metafizik, etika, estetika, logik, falsafah bahasa, falsafah minda, falsafah sains dan lain-lain lagi. Setiap daripada cabang ilmu tersebut membincangkan perkara-perkara atau isunya yang tersendiri; umpamanya metafizik yang membincangkan tentang tabiat kewujudan, kebenaran dan pengetahuan (hakikat Tuhan); etika yang membahaskan prinsip-prinsip akhlak atau moral dan nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan supaya hidup dalam keadaan selesa dan baik; dan estetika iaitu satu disiplin ilmu yang mengkaji konsep yang berkaitan dengan keindahan, cita rasa dan seumpamanya.<sup>17</sup>

Setiap disiplin cuba untuk mencapai kefahaman yang sistematis terhadap isu-isu yang muncul secara terperinci dan mendalam. Hal ini penting dalam hubungan untuk membentuk teori-teori asas atau prinsip secara luas, konsisten dan mempertahankan disiplin tersebut secara rasional.<sup>18</sup> Dari segi amalannya, setiap teori cuba meneliti secara kompleks dakwaan-dakwaan yang muncul dalam kepelbagaiannya.

Epistemologi sebagai salah satu cabang utama falsafah memainkan peranan utama dalam hubungannya dengan disiplin-disiplin falsafah yang lain. Meskipun subjek yang dibincangkan dalam sesuatu cabang falsafah itu berbeza antara satu sama lain yang sering menjadi subjek kajian ahli falsafah, namun setiap satunya mendasari kepada asas yang sama iaitu cuba untuk mencapai hakikat kebenaran dengan jalan keyakinan sebagai matlamat akhir kajian.<sup>19</sup> Ia merupakan aspek utama yang dibincangkan dalam disiplin epistemologi yang mendasari kepada lain-lain cabang falsafah.

Jika sesuatu dakwaan yang dibuat, ia memerlukan kepada hujah yang kukuh supaya mencapai kepada tahap kebenaran dan keyakinan. Namun begitu, untuk mencapai semua ini pelbagai soalan berikut akan ditimbulkan iaitu bagaimanakah kita boleh mendakwa sesuatu perkara itu benar? Apakah bukti-bukti yang menyokong atau menentang sesuatu hujah? Dan bolehkah dakwaan itu dibuktikan? Oleh itu, hampir kesemua

<sup>17</sup> Abdul Rahman Hj Abdullah (2001), *op.cit.*, h. 2.

<sup>18</sup> *The New Encyclopedia Britannica* (2002), *op.cit.*, h. 468.

<sup>19</sup> *Ibid.*, h. 468.



## Beberapa Aspek Epistemologi: Konsep, Tabiat Dan Sumber-Sumber

### Ilmu Dalam Tradisi Islam

soalan tersebut memerlukan kepada pertimbangan epistemologi dalam menyelesaikan masalah ini sebagaimana yang akan dihuraikan dalam topik berikutnya.

### **KLASIFIKASI ILMU MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

Klasifikasi ilmu menurut perspektif Islam amat berbeza jika dibandingkan dengan klasifikasi ilmu oleh pihak Barat di mana dalam klasifikasi ilmu Islam, pembahagian ilmu itu disusun berdasarkan keutamaan dan kepentingan ilmu yang didasari kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Ini dilihat berbeza dengan klasifikasi ilmu Barat di mana ilmu itu dibahagikan berdasarkan hierarki yang hanya melihat kepada perspektif dunia semata-mata. Berdasarkan kepada perspektif ini, umat Islam dilihat lebih komprehensif dan teratur dalam mengklasifikasi ilmu iaitu berjaya menggabungkan antara ilmu wahyu dan ilmu akli.<sup>20</sup>

Secara umumnya, para sarjana muslim membahagikan ilmu itu kepada dua bahagian iaitu ilmu abadi (*qadim*) dan ilmu baru (*hadith*). Ilmu yang abadi (*qadim*) ini adalah bersifat kekal yang disandarkan kepada *dhāt Allah S.W.T.*. Manakala ilmu yang baru (*hadith*) terdiri daripada tiga kategori iaitu yang terbukti dengan sendirinya, primer dan demonstratif.<sup>21</sup>

Penerangan konsep klasifikasi ilmu dalam Islam boleh dilihat secara lebih mendalam berdasarkan kepada huraian al-Farabi, Ibn Khaldun dan al-Ghazali mengenai pemikiran mereka dalam mengklasifikasikan ilmu ini.

Osman Bakar di dalam *Classification of Knowledge in Islam* telah merumuskan pandangan al-Farabi dalam *Kitab Ihsa' al-'Ulum* yang menyatakan bahawa ilmu itu dibahagikan kepada lima bahagian. Pertamanya adalah sains matematik (*the mathematical science*) yang terdiri daripada aritmetik, geometri, astronomi dan muzik. Yang kedua adalah sains tabii/fizik (*natural science*) terdiri daripada lapan bahagian yang membincangkan tentang alam semula jadi. Seterusnya yang ketiga adalah metafizik (*metaphysics*) dan pecahan-pecahannya. Yang keempatnya ialah sains Politik (*political science*). Manakala yang kelima adalah tentang

<sup>20</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud (2005), *Falsafah Dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 92.

<sup>21</sup> *Ibid..*



sains atau falsafah undang-undang dan sains skolastik (*jurisprudence and dialectical theology*).<sup>22</sup>

Ibn Khaldun di dalam bab terakhir *Muqaddimah* turut menyentuh tentang persoalan epistemologi yang diikuti perbahasannya terhadap klasifikasi ilmu. Huraian yang dibuat oleh Ibn Khaldun dilihat agak mendatar di mana beliau mengkategorikan ilmu-ilmu yang menjadi tumpuan manusia itu kepada dua bahagian iaitu ilmu *naqli* dan ilmu *'aqli*.<sup>23</sup> Pada setiap bahagian (ilmu *naqli* dan ilmu *'aqli*) terdapat pula pecahan-pecahananya yang lain.

Ibn Khaldun membahagikan ilmu *naqli* kepada dua bahagian iaitu ilmu yang bersumberkan wahyu dan ilmu yang tidak bersumberkan wahyu. Ilmu yang bersumberkan wahyu terdiri daripada al-Qur'an dan al-Hadith. Manakala ilmu yang tidak bersumberkan wahyu pula terdiri daripada ilmu tafsir, ilmu *qira'at*, ilmu hadith, ilmu usul fiqh, ilmu fiqh, ilmu fara'id, ilmu kalam, ilmu tasawuf dan ilmu tafsir mimpi.<sup>24</sup>

Manakala dalam klasifikasi ilmu *'aqli*, Ibn Khaldun membahagikan kepada empat bahagian iaitu ilmu logik, ilmu fizik (ilmu perubatan dan ilmu pertanian), ilmu metafizik (ilmu sihir dan ilmu tentang rahsia-rahsia huruf) dan ilmu pembelajaran (kejuruteraan, aritmetik, muzik dan astronomi).<sup>25</sup>

Sementara itu, klasifikasi ilmu pada pandangan al-Ghazali dilihat agak kompleks di mana beliau mengkasifikasikan ilmu berdasarkan kepada kelompok-kelompok kumpulan; klasifikasi berdasarkan kepada tahap kewajipan, sumber ilmu dan klasifikasi berdasarkan fungsi sosial. Hal ini

banyak dibincangkan oleh al-Ghazali dalam kitab beliau *Ihya' 'Ulum al-Din* dan *al-Risalah al-Ladunniyah*.

Sebagai kesimpulannya walaupun terdapat perbezaan dalam

<sup>22</sup> Osman Bakar (1998), *Classification Of Knowledge in Islam*, Cambridge, UK: The Islamic Texts Society, h. 137-147.

<sup>23</sup> Che Zarrina Sa'ari dan Mohd Kamil Hj. Ab. Majid (2000), "Epistemologi Islam Menurut Ibn Khaldun", *Jurnal Usuluddin*, bil 12, Disember 2000, h. 85.

<sup>24</sup> Ibn Khaldun, 'Abd al-Rahman (1996M./1417H.), *Muqaddimah Ibn Khaldun*, c. 3. Beirut: Dar al-Fikr, h. 549-629.

<sup>25</sup> *Ibid.*, h. 629-707.



## Beberapa Aspek Epistemologi: Konsep, Tabiat Dan Sumber-Sumber

### Ilmu Dalam Tradisi Islam

klasifikasi ilmu yang dibuat oleh para sarjana muslim, ia hanya berdasarkan kepada suasana dan latar belakang pemikiran mereka masing-masing. Namun begitu, semua ilmu adalah dari Allah S.W.T. sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Attas bahawa beberapa klasifikasi ilmu yang dibuat oleh ahli falsafah, para hukama' dan ahli sufi sebenarnya adalah didasarkan kepada pendidikan seseorang muslim yang akhirnya mempunyai kesatuan ilmu juga iaitu ilmu dari Allah S.W.T..<sup>26</sup>

## TABIAT ILMU MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

### Konsep Ilmu

Perkataan ‘Ilmu’ dari segi etimologinya berasal dari kata dasar di mana kata jamaknya ‘ulum/ علوم’ bermaksud ilmu-ilmu. Kamus *al-Munjid* mendefinisi ilmu sebagai “memperolehi pengetahuan tentang sesuatu perkara dengan sebenar-benarnya atau mengetahui sesuatu perkara berdasarkan keyakinan dan pengetahuan.”<sup>27</sup>

Ibn Manzur dalam *Lisan al-`Arab* memberikan empat penghuraian terhadap akar kata *al-`ilm*. Pertamanya, *ilm* adalah merujuk kepada sifat-sifat Allah S.W.T. Yang Maha Mengetahui. Keduanya, *al-`ilm* berlawanan dengan sifat *al-jahl* (tidak tahu atau dungu). Ketiganya, *ilm* atau mengetahui sesuatu bermakna mengenalinya atau *’arafa*. Keempatnya *ilm* dengan pengertian *al-`alam* berasaskan akar kata yang sama tetapi membawa makna tanda atau alamat.<sup>28</sup>

Manakala Hajj Khalifah dalam ensiklopedianya *Kashf al-Zunun*, merumuskan lima belas takrif ilmu yang telah dibahaskan oleh para ahli kalam, ahli fiqh dan ahli falsafah. Beliau menggalurkan istilah ilmu sebagai pegangan terhadap sesuatu, pengenalan, pengetahuan, pencapaian sesuatu, pengesahan berasaskan keyakinan, penjelasan, kepercayaan yang kukuh,

<sup>26</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud (2005), *op.cit.*, h. 93.

<sup>27</sup> *Al-Munjid fi al-Lughah* (1992), c. 32. Beirut: Dar al-Mashriq, h. 527.

<sup>28</sup> Ibn Manzūr, Muhammad bin Mukram (1955), *Lisan al-`Arab*, Jil. 52, Beirut: Dar Sadir h. 416-417. Lihat juga *Ensiklopedia of Islam*, (1979), Lewis, B., Menage, V.L., Pellat, Ch. dan Schanct, J. (eds.), Jil. iii, Leiden: E. J. Brill, h. 1133. Antara pentakrifan *ilm* menurut ensiklopedia ini ialah pengetahuan atau *knowledge* yang berlawanan dengan *jahl* (*ignorance*) dan berkaitan dengan *hilm* (sopan santun). Ilmu juga bersamaan dengan istilah *ma`rifah*, *fiqh*, *hikmah* dan *shu`ur*. Lihat juga, Siddah, ‘Ali bin Isma’il (1958), *al-Muhkam wa al-Muhib al-A`zam*, Jil. 1, Kaherah: Matba`ah wa Maktabah Mustafa al-Babi wa al-Halabi wa Awladih, h. 124-125.



keyakinan yang sempurna, penghasilan akal, keupayaan membezakan sesuatu dari yang lain, suatu ingatan dan terhasilnya makna sesuatu ke dalam jiwa.<sup>29</sup>

Konsep ilmu menurut perspektif Barat telah dirumuskan secara komprehensif dan menyeluruh oleh *The Encyclopedia of Philosophy* yang menyatakan bahawa definisi yang diterima umum tentang ilmu atau *knowledge* adalah “*kepercayaan yang benar dan hakiki*” (*Knowledge is justified true belief*).<sup>30</sup>

Sementara itu *Merriam Webster's Collegiate Dictionary* mentakrifkan ilmu sebagai “*sesuatu fakta atau keadaan mengetahui sesuatu dengan kebiasaan yang diperolehi melalui pengalaman atau sesuatu yang berkaitan; ataupun suasana atau keadaan untuk memahami sesuatu kebenaran atau fakta melalui proses berfikir atau taakulan*”.<sup>31</sup>

Manakala *Oxford Dictionary of English* mendefinisikan ilmu sebagai “*fact, information and skills acquired through experience or education; the theoretical or practical understanding of a subject*” (fakta, informasi dan kemahiran mengetahui melalui pengalaman dan pendidikan; kefahaman teori dan praktikal terhadap subjek (perkara).”<sup>32</sup>

Sementara itu golongan ilmuwan Islam juga mempunyai beberapa pandangan tersendiri terhadap pengertian ilmu umpamanya al-Ghazali yang turut membahaskan konsep ilmu dari pelbagai perspektif. Keseluruhan dari konsep ilmu menurut pandangan beliau dapat diselidiki melalui puluhan karya-karyanya seperti *Ihya' 'Ulum al-Din*, *al-Munqidh Min al-Dalal*, *Mizan al-'Amal*, *Mi'yar al-Ilm*, *al-Risâlah al-Ladunniyah* dan lain-lain lagi. Namun begitu, definisi yang dikemukakan dalam *Ihya' 'Ulum al-Din*, *al-Munqidh Min al-Dalal* dan *Mizan al-'Amal* dilihat lebih menyeluruh dan padat iaitu:-

<sup>29</sup> Hajj Khalifah, Mustafa bin 'Abdullah (1941), *Kashf al-Zunun, 'An Asami al-Kutub wa al-Funun*, Baghdad: Maktabah al-Muthanna, h. 3-4.

<sup>30</sup> Edward, Paul (ed.) (1967), *The Encyclopedia of Philosophy*, Jil. iv. New York: Macmillan Publishing Co. & The Free Press, h. 345.

<sup>31</sup> *Merriam Webster's Collegiate Dictionary* (1996), 10<sup>th</sup>. Massachusetts: Merriam Webster, h. 64.

<sup>32</sup> Soanes, Catherine & Stevenson, Angus *et al.* (eds.) (2005), *Oxford Dictionary of English*, 2<sup>nd</sup> edition (revised). Oxford: University Press, h. 967.



## Beberapa Aspek Epistemologi: Konsep, Tabiat Dan Sumber-Sumber

### Ilmu Dalam Tradisi Islam

- i. Ilmu ialah satu kelebihan pada dirinya secara mutlak tanpa dihubungkan kepada yang lain dan ilmu merupakan sifat kesempurnaan bagi Allah S.W.T. dan kemuliaan bagi malaikat dan rasul-rasul.<sup>33</sup>
- ii. Ilmu adalah hakikat semua perkara di mana ilmu adalah pengetahuan yang tidak dapat diragui yang dikenali sebagai '*ilm al-yaqin*'.<sup>34</sup>
- iii. Ilmu ialah tersingkapnya sesuatu perkara dengan sejelas-jelasnya sehingga tiada lagi ruang untuk ragu-ragu; tidak mungkin salah atau keliru; aman dari bahaya kesilapan dan disertai dengan keyakinan yang sebenar-benarnya.<sup>35</sup>

Franz Rosenthal yang mengumpulkan pelbagai definisi ilmu, telah menggolongkan konsep ilmu berdasarkan kegunaan bagi kepentingan manusia seperti ilmu sebagai ilmu itu sendiri (hakikat Islam), ilmu sebagai pendidikan (aspek masyarakat), ilmu sebagai falsafah (aspek pemikiran) dan ilmu ialah cahaya (aspek sufisme).<sup>36</sup> Dari sudut sufisme, Rosenthal menyatakan penggunaan istilah ‘cahaya’ yang dirujuk kepada ilmu merupakan metafora yang sering digunakan oleh al-Qur'an bagi menunjukkan bahawa cahaya itu merupakan petunjuk kepada jalan yang benar<sup>37</sup> dan cahaya Allah akan diberikan kepada sesiapa yang dikehendakinya.<sup>38</sup> Al-Qur'an juga, adakalanya mengiringi istilah cahaya ini dengan kegelapan sebagai lawan kepada cahaya yang dikaitkan dengan kegelapan, kesesatan, kejahilan, batil dan seumpamanya.<sup>39</sup> Oleh itu, penggunaan istilah cahaya yang dirujuk kepada ilmu merupakan gambaran bahawa ilmu itu adalah suatu yang bersih, suci, murni dan mulia.

<sup>33</sup> Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (1967M./1387H.), *Ihya' 'Ulum al-Din*, Jil. 1. Kaherah: Mu'assasah al-Halabi wa al-Shurakah li al-Nashr Wa al-Tawzi', h. 22.

<sup>34</sup> Al-Ghazali (1964), *al-Munqidh Min al-Dalal*, Mahmud, 'Abd al-Halim (ed.) c. 4. Kaherah: Maktabah al-Anjalu al-Misriyyah, h. 13

<sup>35</sup> Al-Ghazali (1964), *Mizan al-'Amal*, Dunya, Sulayman (ed.). Kaherah: Dar al-Ma'arif, h. 13-14.

<sup>36</sup> Rosenthal, Frank (1970), *Knowledge Triumphant: The Concept of Knowledge in Medieval Islam*, Leiden: E. J. Brill, h. 70, 155, 194 & 240. Lihat juga edisi Bahasa Melayu, Rosenthal, Franz (1992), *Keagungan Ilmu*, Syed Muhamad Dawilah Syed Abdullah (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 79, 177, 217 & 270.

<sup>37</sup> Surah Luqman 31:20.

<sup>38</sup> Surah al-Nur 24:35.

<sup>39</sup> Surah al-Baqarah 2:257.



Sebagai kesimpulannya, kepelbagaian konsep ilmu yang muncul menunjukkan bahawa ruang lingkup perbahasananya adalah luas dan tidak terhad kepada sesuatu skop sahaja. Definisi yang pelbagai ini menggambarkan bahawa konsep ilmu itu adalah sesuatu yang tidak boleh dibatasi kepada sesuatu maksud tertentu.

### ***'Ilm al-Yaqin Sebagai Matlamat Akhir Epistemologi Islam***

Epistemologi Islam amat menekankan ilmu yang bertaraf keyakinan dalam matlamat akhir sesuatu perkara yang mempunyai unsur-unsur kebenaran secara mutlak. Sesuatu yang benar itu seharusnya mempunyai elemen yang dipercayai kebenarannya secara yakin tanpa ada unsur keraguan, kesamaran dan prasangka terhadapnya.<sup>40</sup> Dalam erti kata yang lain, sesuatu yang diterima sebagai benar itu adalah berasaskan kepada *'ilm al-yaqin*, manakala yang tidak benar adalah berlawanan dengan ciri-ciri tersebut.

Konsep *'ilm al-yaqin* ialah ilmu yang boleh mendedahkan sesuatu secara jelas, di mana sebarang keraguan dan kemungkinan wujudnya kesilapan dan kesamaran (*al-wahm*) di sekitarnya tidak pernah difikirkan oleh seseorang yang memiliki ilmu tersebut.<sup>41</sup> *'Ilm al-yaqin* juga adalah ilmu yang tidak mungkin wujudnya unsur kekeliruan, kesalahan dan kesamaran di mana seseorang itu tidak boleh membantalkan ilmu berciri tersebut atau mempercayai bahawa ianya boleh dibatalkan.

Istilah ‘yakin’ adalah jauh berlawanan dengan ‘*shakk*’, ‘*wahm*’ dan ‘*zann*’. Konsep ‘yakin’ ini amat ditekankan dalam epistemologi Islam, di mana hal-hal yang melibatkan persoalan akidah Islam dan syariah memerlukan taraf keyakinan yang tinggi dalam pencapaian sesuatu matlamat. Dalam soal akidah, seorang muslim semestinya mempunyai keyakinan yang tinggi dalam menyatakan ketauhidannya kepada Allah S.W.T.. Manakala dalam bidang syariah pula, pemakaian *'ilm al-yaqin* amat penting dalam peringkat pembuktian sesuatu kes tanpa wujudnya sebarang keraguan dalam sesuatu bukti yang *qat'i*.<sup>42</sup>

Keyakinan terhadap sesuatu perkara melibatkan tiga darjah

<sup>40</sup> Syed Muhamad Dawilah al-Edrus (1993), *op.cit.*, h. 28-35.

<sup>41</sup> al-Ghazali (1964), *op.cit.*, h. 13.

<sup>42</sup> Ashraf bin Md. Hashim (2001), “Tahap Pembuktian di Dalam Kes-Kes Jenayah: Kajian Perbandingan Antara Undang-Undang Islam”, *Jurnal Syariah*, Jil. 9. bil. 2, Julai 2001, h. 15.



keyakinan yang bersangkutan dengan ilmu manusia iaitu *'ilm al-yaqin*, *'ayn al-yaqin* dan *haqq al-yaqin*.<sup>43</sup> *'ilm al-yaqin* adalah ilmu yang bersandarkan alasan atau kesimpulan hasil dari kuasa manusia yang mengadilinya sebagaimana yang dapat difahami menerusi ayat berikut yang bermaksud:<sup>44</sup>

*Janganlah begitu, jika kamu mengetahui dengan 'ilm yang yaqin.*

Manakala *'ayn al-yaqin* merupakan keyakinan melihat sesuatu perkara berdasarkan kepada mata sendiri iaitu melihat dan seterusnya mempercayainya seperti mana gambaran Allah yang bermaksud:<sup>45</sup>

*Sekali lagi kamu benar-benar melihatnya dengan 'ayn al-yaqin.*

Selanjutnya tahap *haqq al-yaqin* adalah tahap di mana sesuatu kebenaran itu tidak mungkin berlakunya unsur-unsur kesilapan dari tahap pertama dan kedua iaitu *'ilm al-yaqin* dan *'ayn al-yaqin*. Kebenaran ini merupakan sesuatu yang diwahyukan oleh Allah yang dinamakan sebagai *haqq al-yaqin* sebagaimana dijelaskan Allah S.W.T. yang bermaksud:<sup>46</sup>

*Dan sesungguhnya al-Qur'an itu benar-benar kebenaran yang diyakini.*

Sebagai rumusannya keyakinan yang mutlak adalah sesuatu yang tidak mungkin wujud padanya sebarang unsur ragu-ragu dan was-was dalam perolehan ilmu.

## PANDANGAN ISLAM TERHADAP SKEPTISME

Skeptisme yang berasal dari istilah skeptis (ragu-ragu) merupakan satu aliran falsafah yang menjadikan dan menganggap keraguan sebagai satu jalan kebenaran.<sup>47</sup>

<sup>43</sup> Syed Muhamad Dawilah al-Edrus (1993), *op.cit.*, h. 39.

<sup>44</sup> Surah al-Takathur 102:5.

<sup>45</sup> Surah al-Takathur 102:7.

<sup>46</sup> Surah al-Haqqah 69:51.

<sup>47</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah (2005), *Wacana Falsafah Ilmu: Analisis Konsep-Konsep Asas dan Falsafah Negara*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, h.69; lihat juga Abdul Rahman Haji Abdullah (1987), *Pemikiran Islam Masa Kini: Sejarah dan Aliran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.43.



Dalam tradisi falsafah, aliran ini muncul buat kali pertamanya oleh Cratlyus iaitu murid kepada Heraclitus yang hidup pada zaman Socrates. Namun, secara rasminya aliran ini muncul pada zaman Hellenisme Rumawi iaitu selepas zaman keemasan falsafah Yunani yang berakhir dengan Aristotle.<sup>48</sup> Pada zaman moden ini, tokoh yang paling terkenal dengan aliran skeptisme ini ialah Rene Descartes (1596-1650) yang juga dianggap sebagai pelopor falsafah dan rasionalis moden. Metode keraguannya dalam rasionalisme telah membawa keyakinan kepadanya tentang kewujudan dirinya dan realiti lainnya.<sup>49</sup>

Golongan yang mengikut dan memperjuangkan skeptisme ini dikenali juga sebagai sofis (*sophist*). Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam hal ini telah membahagikan golongan sofis ini kepada tiga kelompok iaitu *al-la adriyyah*, *al-'indiyah* dan *al-inadiyyah*. Golongan *al-la adriyyah* atau gnostik merupakan golongan yang selalu mengatakan tidak tahu. Golongan ini selalu mengatakan tidak tahu dan ragu-ragu terhadap sesuatu sehingga menolak kemungkinan ilmu pengetahuan. Golongan *al-'indiyah* pula adalah terdiri daripada mereka yang bersikap subjektif di mana kelompok ini menerima kemungkinan ilmu pengetahuan akan tetapi menolak matlamat ilmu pengetahuan dan kebenaran. Sementara golongan ketiga iaitu *al-'inadiyyah* terdiri daripada kelompok yang keras kepala yang menafikan segala hakikat sesuatu dan menganggap hakikat itu sebagai fantasi dan khayalan semata-mata.<sup>50</sup>

Ketiga-tiga golongan di atas secara asasnya bersikap skeptis dalam memperolehi ilmu dan hakikat sesuatu. Metode keraguan dan kesangsian dalam memperolehi ilmu merupakan sesuatu yang berlawanan dengan prinsip-prinsip epistemologi Islam yang berpaksikan kepada ilmu yakin sebagaimana yang telah diterangkan.

Berbeza dengan tradisi falsafah barat yang bertunjangan keraguan dan kesangsian (skeptisme) dalam mencapai sesuatu pengetahuan, sebaliknya tradisi keilmuan Islam yang sejak dari dahulu lagi adalah berpandukan kepada kebenaran terhadap persoalan akidah dan keimanan sebagai jalan mencapai kepada keyakinan. Kebenaran dalam tradisi Islam

<sup>48</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah (2005), *op.cit..*

<sup>49</sup> *Ibid.*, h. 70.

<sup>50</sup> Dipetik dari Wan Mohd Nor Wan Daud (2005), *op.cit.*, h. 72.



## Beberapa Aspek Epistemologi: Konsep, Tabiat Dan Sumber-Sumber

### Ilmu Dalam Tradisi Islam

adalah kekal untuk selama-lamaya dan ia bersifat mutlak dan sempurna serta tidak perlu kepada perubahan, penambahan dan pengurangan kerana hakikat adalah tetap dan kekal. Namun apa yang mungkin berubah ialah persepsi manusia terhadap kebenaran itu disebabkan perubahan pandangannya terhadap kebenaran tersebut.

Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa Islam tidak mengiktiraf skeptis sebagai jalan yang membawa kepada kebenaran kerana ketidaan asas yang tetap bagi sesuatu perkara terutamanya terhadap hakikat ketuhanan. Hakikat ketuhanan dalam Islam adalah tetap dan tidak mungkin bersifat ragu-ragu terhadap kewujudanNya sebagaimana yang didakwa oleh golongan sophis bahawa hakikat itu fantasi dan khayalan semata-mata.

### SUMBER-SUMBER EPISTEMOLOGI ISLAM

Sumber-sumber epistemologi Islam terdiri daripada empat saluran yang utama iaitu pancaindera (*al-hawas al-khamsah*), akal fikiran yang sihat (*al-'aql al-salim*), berita yang benar (*al-khabar al-sadiq*) dan intuisi (*ilham*).<sup>51</sup>

#### Pancaindera

Pancaindera sebagai salah satu saluran utama yang membekalkan ilmu pengetahuan kepada manusia, merupakan saluran yang bersifat realiti dan empirikal. Saluran pancaindera ini merupakan deria luaran yang membekalkan maklumat berkenaan tentang alam sekeliling manusia. Sumber-sumber ini adalah data yang bersifat empirikal yang diperolehi daripada lima fakulti utama yang melibatkan organ-organ manusia dan haiwan seperti melihat (mata), mendengar (telinga), merasa (lidah), menyentuh (kulit) dan menghidu (hidung). Sumber-sumber yang diperolehi melalui data ini merupakan maklumat yang diperolehi menerusi deria luaran yang membekalkan maklumat berkenaan tentang alam sekeliling.

Data-data yang diperolehi melalui pancaindera ini juga terdiri daripada data *al-mahsusat al-zahirah* di mana data yang bersifat saintifik ini boleh mencapai kepada maklumat yang bertaraf *'ilm al-yaqin*. *Al-mahsusat al-zahirah* ialah salah satu pengetahuan manusia yang dicapai melalui pancaindera manusia khususnya melalui deria penglihatan (organ

<sup>51</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas (2001), *Prolegomena To The Metaphysics of Islam: An Exposition of The Fundamental Elements of The Worldview of Islam*, Kuala Lumpur: ISTAC, h. 118.



mata). Data-data ini bersifat sensori iaitu data yang diperolehi manusia menerusi deria luaran yang dimiliki oleh manusia. Oleh itu, data-data inilah yang membekalkan sesuatu maklumat yang benar tentang alam sekeliling kita.<sup>52</sup>

### Akal

Berkenaan dengan kedudukan akal sebagai sumber epistemologi, Islam mengiktiraf kedudukan akal berdasarkan kepada batasan yang mampu dicapai olehnya. Data-data yang diperolehi melalui fakulti akal adalah bersifat rasio dan *apriori*<sup>53</sup> di mana akal akan mentafsirkan sesuatu maklumat berdasarkan kepada kerangka logiknya. Umpamanya akal memberikan maklumat bahawa bilangan sepuluh lebih banyak daripada bilangan satu ataupun contoh lain iaitu seseorang itu tidak boleh berada dalam dua tempat yang berbeza dalam waktu yang sama. Saluran pengetahuan ini adalah bersifat aksiom di mana maklumat ilmu itu terbukti dengan sendirinya melalui proses *apriori*.<sup>54</sup>

Penggunaan akal dengan baik amat dititik beratkan oleh Islam kerana antara syarat seseorang itu ditaklifkan dengan hukum syarak ialah mempunyai akal yang sempurna.<sup>55</sup> Dalam hal ini, al-Attas menambah perkataan ‘sihat’ bagi perkataan akal sebagai sumber saluran ilmu disebabkan akal yang mudah dipengaruhi oleh imaginasi dan ramalan yang terkadang boleh menghasilkan keputusan yang salah walaupun berdasarkan kepada maklumat yang betul.<sup>56</sup> Sementara itu, Ibn Rushd menyatakan bahawa operasi akal dalam menghasilkan sumber ilmu adalah berdasarkan tiga kerja asas iaitu mengabstrak, menggabung dan menilai. Ketiga-tiga asas ini merupakan tindakan akal dalam mencerap sesuatu gagasan mahupun konsep yang bersifat universal dan hakiki.<sup>57</sup>

<sup>52</sup> Al-Ghazali (1964), *op.cit.* h. 15-16.

<sup>53</sup> *Apriori* merupakan pengetahuan yang diperolehi melalui cara berfikir tertentu terhadap sesuatu fakta atau maklumat tanpa memerlukan kepada pemerhatian dan pengalaman yang khusus.

<sup>54</sup> Al-Ghazali (1964), *op.cit.*, h. 15.

<sup>55</sup> Lihat umpamanya salah satu daripada syarat wajib bagi seseorang menuaikan solat iaitu “berakal” selain daripada syarat lain iaitu “Islam” dan “baligh”. Lihat al-‘Uthaymin, Muhammad bin Salih (2004) *Fiqh al-‘Ibadat*, Jeddah: Dar al-Nubala’, h. 108 & 109.

<sup>56</sup> Di petik dari Wan Mohd Nor Wan Daud (2005), *op.cit.*, h. 96.

<sup>57</sup> Dipetik dari Esa bin Khalid (2004), “Kajian Perbandingan Antara Pemikiran al-Ghazali dan Ibn Rushd Dalam Falsafah Sains”, Tesis Ph.D, Jabatan Akidah dan



## Beberapa Aspek Epistemologi: Konsep, Tabiat Dan Sumber-Sumber

### Ilmu Dalam Tradisi Islam

Di samping itu juga, penggunaan akal sebagai sumber ilmu amat dititik beratkan dalam syariah Islam untuk menentukan persoalan hukum berpandukan kepada sumber wahyu. Dalam hal ini, fuqaha' Islam telah meletakkan peranan ijtihad yang menggunakan fungsi akal dalam menentukan sumber hukum tambahan yang tidak termaktub secara jelas di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah umpamanya *qiyyas*, *ijma'*, *istihsan*, *maslahah*, *siyasah shar'iyyah*, *masalah mursalah* dan sebagainya.<sup>58</sup>

### ***Al-Khabar al-Sādiq (Berita Yang Benar)***

*Al-Khabar al-Sadiq* atau sumber berita yang benar merupakan sumber utama dalam saluran ilmu menurut perspektif Islam. Sumber utama ini terdiri daripada dua jenis iaitu sumber yang berasaskan wahyu (al-Qur'an) dan sumber-sumber mutawatir.<sup>59</sup>

Al-Qur'an sebagai sumber utama ilmu tidak dapat diragukan lagi kerana ia adalah kebenaran mutlak yang membawa kepada keyakinan. Dalam Surah al-'Alaq jelas menunjukkan bahawa sumber segala ilmu adalah dari Allah kerana Dia yang mengajar manusia apa yang tidak diketahui oleh manusia.<sup>60</sup> Para malaikat juga mengakui bahawa mereka tidak mempunyai sebarang ilmu melainkan apa yang diberikan oleh Allah S.W.T..<sup>61</sup>

Selanjutnya al-Qur'an mengisyaratkan bahawa terdapat sumber-sumber ilmu yang lain jika diiringi dengan kajian dan orientasi yang betul akan membawa kepada kebenaran wahyu Ilahi. Ini disebabkan pada akhir sesuatu kajian itu akan menuju kepada sumber yang sama juga iaitu Allah

---

Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 67. Rujukan asal adalah *Taklhis Kitab al-Nafs* karangan Ibn Rushd merupakan manuskrip yang tersimpan di Dar al-Kutub al-Misriyyah, diterbit dan telah disunting oleh Ahmad Fu'ad al-Ahwani.

<sup>58</sup> Haytu, Muhammad Hassan (1988), *al-Ijtihad wa Tabaqat Mujtahidi al-Shafi'iyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 18. Lihat juga, Rahimin Afandi Abdul Rahim (2002), "Epistemologi Hukum Islam: Satu Pengenalan", *Jurnal Usuluddin*, bil. 15, Julai 2002, h. 60.

<sup>59</sup> al-Attas (2001), *op.cit.* h. 121; al-Ghazali (1986M./1406H.), *al-Qistas al-Mustaqim, dalam Majmū'ah Rasā'il al-Imām al-Ghazālī*, Jil. 3. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 16& 17; al-Ghazali (1964), *Fada'ihal-Batinyyatwa Fada'iil al-Mustazhiriyyat*, Kaherah: Dar al-Qawmiyyat li al-Tiba'at wa al-Nashr, h. 140.

<sup>60</sup> Surah al-'Alaq 96:5, "Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya".

<sup>61</sup> Surah al-Baqarah 2:32, "Malaikat itu menjawab: Maha Suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau jualah Yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana".



S.W.T..<sup>62</sup> Oleh itu al-Qur'an sendiri merupakan sumber utama pelbagai bentuk ilmu seperti ilmu sejarah, metafizik, sosiologi, sains dan sebagainya.

Sumber-sumber mutawatir pula merujuk kepada semua data ataupun maklumat yang diambil dari banyak sumber lain secara bersambungan sehingga sampai kepada satu jumlah bilangan pelapor tertentu yang menyebabkan tidak dapat diragui lagi tentang kebenaran data tersebut. *Hadith mutawatir* adalah contoh bagi berita yang benar di mana dalam periyawatan *Hadith mutawatir* penekanan terhadap sumber yang banyak dan data yang berkesinambungan menyebabkan tidak mungkin terdapat padanya sebarang keraguan dan kepalsuan. Oleh itu, data yang berasaskan kepada jenis ini merupakan data yang tidak mungkin dipertikaikan kesahihannya.<sup>63</sup> Dalam pada itu juga, sumber-sumber bersifat mutawatir ini didasarkan kepada pelapor yang mempunyai ketinggian akhlak yang tidak mungkin sama sekali melakukan sebarang pembohongan atau pemalsuan terhadap maklumat yang disampaikan.<sup>64</sup>

### Intuisi / Ilham

Intuisi atau ilham merupakan sumber ilmu bersifat dalaman yang berkaitan dengan hati, jiwa dan batin seseorang dalam memberikan sesuatu pengetahuan. Ilham yang benar adalah datang dari Allah. Ia dicampakkan ke dalam jiwa hambanya yang bersih melalui jalan *kashf*. Melalui jalan ini, pintu hati akan terbuka dan segala maklumat akan dicapai tanpa sebarang halangan.

Pencapaian ilmu melalui jalan ilham merupakan campakan maklumat ke dalam hati insan tanpa perlu berusaha dan belajar.<sup>65</sup> Adapun hati yang menjadi tempat penerimaan ilham ialah hati rohani iaitu hati yang bersifat ketuhanan dan kerohanian.<sup>66</sup>

<sup>62</sup> Wan Mohd. Nor Wan Daud (1994), *Konsep Ilmu Dalam Islam*, Rosnani Hashim (terj). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 61.

<sup>63</sup> Muhammad Zainiy Uthman (1998), *op.cit.*, h. 415.

<sup>64</sup> *Ibid..*

<sup>65</sup> Al-Ghazali (1967M./1387H.), *op.cit.*, Jil. 3, h. 24.

<sup>66</sup> Al-Ghazali menjelaskan bahawa hati mempunyai dua pengertian, pengertian yang pertama bagi hati ialah segumpal daging yang berbentuk bulat panjang yang terletak di dada sebelah kiri. Di dalamnya terdapat rongga-rongga yang mengandungi darah hitam dan berperanan sebagai roh. Hati ini juga terdapat pada haiwan bahkan juga pada orang-orang yang telah mati. Manakala pengertian yang kedua bagi hati ialah pengertian yang halus lebih kepada kerohanian dan bersifat ketuhanan. Dalam



Al-Ghazali menyatakan bahawa asas untuk menerima ilham adalah mempelajari semua dasar-dasar ilmu di alam ini. Manakala beramat dan beribadat boleh memudahkan jiwa menerima ilham yang benar dan aktiviti berfikir pula akan menyebabkan datangnya ilham itu.<sup>67</sup> Al-Attas turut menyatakan bahawa intuisi merupakan salah satu saluran yang sah dan penting dalam menghasilkan pengetahuan yang berbentuk kreatif. Aktiviti-aktiviti seperti membaca, berfikir, melakukan eksperimen dan berdoa merupakan salah satu daripada usaha dalam menghasilkan ilmu melalui saluran ilham.<sup>68</sup>

Berdasarkan asas ini, dapat disimpulkan bahawa ilham merupakan salah satu sumber untuk mendapat ilmu pengetahuan dan kebenaran yang telah diterima oleh majoriti umat Islam. Namun begitu, Ilham tidak boleh mengatasi sumber wahyu dalam mencapai tahap kesahihan dan kebenaran.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, falsafah ilmu dalam tradisi Islam bertujuan untuk melahirkan individu atau masyarakat yang seimbang antara dunia dan akhirat. Atas dasar inilah ruang lingkup perbincangan epistemologi menurut perspektif Islam adalah meluas di mana sesuatu hakikat yang dicapai itu adalah bersumberkan kepada keyakinan. Konsep epistemologi Islam yang berasaskan kepada *worldview* tauhid tidak hanya membataskan kepada perolehan sumber kepada *al-khabar al-sadiq* dan ilham semata-mata, bahkan juga memberi ruang kepada akal dan pancaindera untuk memperolehi ilmu berdasarkan kepada ruang lingkup yang mampu dicapai oleh fakulti akal dan inderawi.

---

pengertian rohani ini, hati itu merupakan hakikat manusia yang dapat menangkap segala pengertian dan pengetahuan. Oleh itu, ilmu yang diperoleh melalui jalan ilham menurut al-Ghazali adalah melalui pengertian hati yang kedua ini. *Ibid.*, h. 4<sup>67</sup> Al-Imam al-Ghazālī (1986M./1406H.), “al-Risālah al-Ladunniyah”, dalam *Majmū`ah Rasā'il al-Imām al-Ghazālī*, Jil. 3. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 111. Penerangan yang panjang lebar tentang cara-cara memperolehi ilham diterangkan dalam bab empat kajian ini memandangkan fokus kajian ini adalah terhadap ilham berasaskan pemikiran al-Ghazali.<sup>68</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud (2005), *op.cit.*, h. 235- 236.



## RUJUKAN

- ‘Abd al-Hamid, ‘Irfan (1983), *al-Falsafah al-Islamiyyah Dirasah wa Naqd*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Abdul Rahman Haji Abdullah (1987), *Pemikiran Islam Masa Kini: Sejarah dan Aliran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Haji Abdullah (2001), *Falsafah Dan Kaedah Pemikiran Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abdul Rahman Haji Abdullah (2005), *Wacana Falsafah Ilmu: Analisis Konsep-Konsep Asas dan Falsafah Negara*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ashraf bin Md. Hashim (2001), “Tahap Pembuktian di Dalam Kes-Kes Jenayah: Kajian Perbandingan Antara Undang-Undang Islam”, *Jurnal Syariah*, j. 9. bil. 2, Julai 2001.
- Ba’labaki, Munir (2000), *al-Mawrid: A Modern English –Arabic Dictionary*, c. 2. Beirut: Dar al-‘Ilm Lil-Malayen.
- Che Zarrina Sa’ari dan Mohd Kamil Hj. Ab. Majid (2000), “Epistemologi Islam Menurut Ibn Khaldun”, *Jurnal Usuluddin*, bil 12, Disember 2000, h. 73-94.
- Edward, Paul (ed.) (1967), *The Encyclopedia of Philosophy*, Jil. iv. New York: Macmillan Publishing Co. & The Free Press.
- Edwards, Paul (ed.) (1967), *The Encyclopedia of Philosophy*, Jil. 6. New York: The Macmillan & The Free Press & London: Collier-Macmillan Limited.
- Ensiklopedia of Islam* (1979), Lewis, B., Menage, V.L., Pellat, Ch. dan Schanct, J. (eds.), Jil. III, Leiden: E.J. Brill.
- Esa bin Khalid (2004), “Kajian Perbandingan Antara Pemikiran al-Ghazali dan Ibn Rushd Dalam Falsafah Sains”, Tesis Ph.D, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti  
204



Beberapa Aspek Epistemologi: Konsep, Tabiat Dan Sumber-Sumber  
Ilmu Dalam Tradisi Islam  
Malaya.

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (1964), *al-Munqidh Min al-Dalal*, Mahmud, `Abd al-Halim (ed.) c. 4. Kaherah: Maktabah al-Anjalu al-Misriyyah.

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (1964), *Fada'ih al-Batinyyat wa Fada'il al-Mustazhiriyyat*, Kaherah: Dar al-Qawmiyyat li al-Tiba`at wa al-Nashr.

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (1964), *Mizan al-'Amal*, Dunya, Sulayman (ed.). Kaherah: Dar al-Ma`arif.

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (1967M./1387H.), *Ihya' `Ulum al-Din*, Jil. 1. Kaherah: Mu'assasah al-Halabi wa al-Shurakah li al-Nashr Wa al-Tawzī`.

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (1986M./1406H.), “al-Risālah al-Ladunniyah”, dalam *Majmū`ah Rasā'il al-Imām al-Ghazāli*, Jil. 3. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (1986M./1406H.), *al-Qistas al-Mustaqim*, dalam *Majmū`ah Rasā'il al-Imām al-Ghazāli*, Jil. 3. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Haitu, Muhammad Hassan (1988), *al-Ijtihad wa Tabaqat Mujtahidi al-Shafi'iyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Hajj Khalifah, Mustafa bin `Abdullah (1941), *Kashf al-Zunun, 'An Asami al-Kutub wa al-Funun*, Baghdad: Maktabah al-Muthanna.

Ibn Khaldun, `Abd al-Rahman (1996M./1417H.), *Muqaddimah Ibn Khaldun*, c. 3. Beirut: Dar al-Fikr.

Ibn Manzūr, Muhammad bin Mukram (1955), *Lisan al-'Arab*, Jil. 52, Beirut: Dar Sadir.

Imam, `Abd al-Fattah Imam (t.t), *Madkhal ila al-Falsafah*. Kaherah: Dar al-Falsafah.



*Jurnal Usuluddin*

Lacey, A.R. (1996), *A Dictionary of Philosophy*, c. 3. New York: Routledge.

*Merriam Webster's Collegiate Dictionary* (1996), 10<sup>th</sup>. Massachusetts: Merriam Webster.

Muhammad Zainiy Uthman (1998), "Latāif al-Asrār Li Ahl Allāh al-Atyar Karangan Nūr al-Din al-Raniri: Satu Tinjauan Epistemologi Dalam Falsafah Epistemologinya" dalam Hashim Awang *et al.* (ed.), *Pengajian Sastera dan Sosiobudaya Melayu Memasuki Alaf Baru*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

*Al-Munjid fi al-Lughah* (1992), c. 32. Beirut: Dar al-Mashriq.

Osman Bakar (1998), *Classification Of Knowledge in Islam*, Cambridge, UK: The Islamic Texts Society.

Rahimin Afandi Abdul Rahim (2002), "Epistemologi Hukum Islam: Satu Pengenalan", *Jurnal Usuluddin*, bil. 15, Julai 2002.

Reese, William L. (1980), *Dictionary of Philosophy and Religion: Eastern and Western Thought*, New Jersey: Humanities Press

Rosenthal, Frank (1970), *Knowledge Triumphant: The Concept of Knowledge in Medieval Islam*, Leiden: E.J. Brill.

Rosenthal, Frank (1992), *Keagungan Ilmu*. Syed Muhamad Dawilah Syed Abdullah (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Runes, Dagobert D. (1982), *Dictionary of Philosophy*, Totowa, New Jersey: Little-Field, Adams & Co..

Saliba, Jamil (1979), *al-Mu'jam al-Falsafi bi al-Alfaz al-'Arabiyyah wa al-Faransiyyah wa al-Injiliziyyah wa al-Latiniyyah*, Beirut : Dar al-Kitab al-Lubnani.

Siddah, `Ali bin Isma`il (1958), *al-Muhkam wa al-Muhit al-A`zam*, Jil. 1, Kaherah: Matba`ah wa Maktabah Mustafa al-Babi wa al-Halabi wa Awladih.



Beberapa Aspek Epistemologi: Konsep, Tabiat Dan Sumber-Sumber

Ilmu Dalam Tradisi Islam

Soanes, Catherine & Stevenson, Angus *et al.* (eds.) (2005), *Oxford Dictionary of English*, 2<sup>nd</sup> edition (revised). Oxford: University Press.

Syed Muhammad Dawilah al-Edrus (1993), *Epistemologi Islam: Teori Ilmu Dalam al-Qur'an*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syed Muhammad Naquib al-Attas (2001), *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*, Kuala Lumpur: ISTAC.

*The New Encyclopedia Britannica* (2002), Jil. 18, edisi ke-15. USA: Encyclopaedia Britannica, Inc.

Wan Mohd Nor Wan Daud (1994), *Konsep Ilmu Dalam Islam*, Rosnani Hashim (terj). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Wan Mohd Nor Wan Daud (2005), *Falsafah Dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

